

Dagangan : FAR INFRA-RED RAY APPARATUS

Nama Perdagangan : Goodle Warm
Jenama : Ceragem
Model : SLE-0627

Kod Tarif (Perintah Duti Kastam 2012) :

8516.79 900 (PDK 2012)
8516.79.90 00 (PDK 2017)

Tarikh Kelulusan : 09 Mac 2017

Keterangan barangan :

Barangan yang dinamakan sebagai *Goodle Warm* adalah berbentuk segiempat yang mempunyai bentuk bujur pada kedua-dua hujungnya.

Spesifikasi barangan adalah seperti berikut :-

| | |
|--------------------------------|-------------------------------|
| <i>Product name</i> | Goodle Warm |
| <i>Model name</i> | SLE-0627 |
| <i>Rated Voltage</i> | AC 240 V 50 Hz |
| <i>Rated Power Consumption</i> | 64W±10% |
| <i>Temperature range</i> | 30°C ~ 65°C |
| <i>Size</i> | 980 x 450 x 20 mm (W x L x H) |
| <i>Weight</i> | 5kg |

Gambar barangan adalah seperti berikut :-



Struktur barangan adalah terdiri daripada 2 bahagian iaitu *Controller* dan *Mat* seperti gambarajah berikut:-





Kegunaan/fungsi barangan berdasarkan permohonan (Jadual A)

To be used as FIR heat therapy device. Gives thermal treatment with FIR which causes gentle expansion and stimulation of blood circulation. The FIR application to human body increases oxygen and blood flow, promote health vessels, removes sclerosis from arteries and veins.

Barangan adalah produk yang direka untuk kemudahan pengguna mendapatkan sumber Sinar Infra Merah Jarak Jauh (FIR) secara semulajadi. Penciptaan produk diadaptasikan daripada penggunaan tradisi lantai Korea yang dipanggil sebagai *GOODLE* di mana ianya bermaksud lantai rumah yang yang diperbuat daripada lapisan batuan dan tanah liat merah.

Barangan mempunyai FIR yang dibekalkan melalui *ceramic ball* yang terdapat di dalam barangan. *Ceramic ball* ini sendiri dapat membekalkan FIR kepada pengguna dan jumlah FIR akan dapat dibekalkan dengan lebih banyak seandainya *ceramic ball* ini dipanaskan.

Barangan berfungsi menggunakan *far infrared ray* yang dihasilkan melalui *ceramic ball* yang dipanaskan pada suhu yang tertentu di mana berdasarkan katalog yang dikemukakan, barangan digunakan untuk membekalkan kepanasan FIR kepada bahagian-bahagian tubuh yang mempunyai rasa sakit, sengal dan sebagainya. Kepanasan FIR dipercayai akan melembutkan ketegangan otot-otot pada tubuh, menguraikan toksin-toksin yang berkumpul pada sendi-sendi badan saluran darah serta melancarkan aliran darah.

Cara penggunaan barangan adalah seperti berikut di mana setiap cara / posisi penggunaan mempunyai kebaikan dan juga manfaat tertentu.

- (i) Posisi duduk – boleh digunakan di pejabat, sofa dan sebagainya
- (ii) Posisi berbaring – Boleh digunakan sewaktu berbaring atau tidur yang melibatkan bahagian dada, abdomen dan bahagian bawah perut.

- (iii) Posisi meniarap – Melibatkan bahagian dada, abdomen dan bahagian bawah perut.
- (iv) Digunakan bersama *Ceragem Master V3* melalui cara penggunaan berikut:-
 - *Warmpad* diletakkan di atas perut. Digunakan bersama-sama dengan V3 untuk mendapatkan kesan maksimum.
 - *Warmpad* diletakkan di atas lutut untuk mereka yang mempunyai masalah kaki dan lutut.
 - *Warmpad* digunakan ketika rawatan istimewa (buku lali, lutut dan sebagainya). Memberi tekanan yang meningkatkan kesan rawatan.
 -

Barangan boleh digunakan tanpa perlu mendapat pengawasan doktor atau *professional practice*. Ketua Pengarah Kastam Malaysia memutuskan barangan sesuai diperjeniskan di bawah kod tarif **8516.79 900 (Perintah Duti Kastam 2012)** dan **8516.79.90 00 (Perintah Duti Kastam 2017)** sebagai ***Other electro-thermic appliances of a kind used for domestic purposes***.

Barangan merupakan *FIR heat therapy device* (peranti terapi haba) yang menggunakan *far infrared ray* yang dihasilkan melalui *ceramic ball* yang dipanaskan pada suhu yang tertentu untuk membekalkan kepanasan FIR kepada bahagian-bahagian tubuh yang mempunyai rasa sakit, sengal serta melembutkan ketegangan otot-otot pada tubuh, menguraikan toksin-toksin yang berkumpul pada sendi-sendi badan, saluran darah serta melancarkan aliran darah.

Bahan yang terdapat di dalam barangan iaitu *ceramic ball* telah disahkan mempunyai nilai *emissivity* yang tertentu di mana *emissivity* adalah keupayaan sesuatu objek menghasilkan tenaga infrared. Berdasarkan hasil ujian ke atas *ceramic ball* yang telah dibuat oleh pemohon, menunjukkan *ceramic ball* yang belum dipanaskan mempunyai *emissivity* $0.923 \mu m$. Ini menunjukkan *ceramic ball* telah mempunyai infrared secara semulajadi tanpa elemen pemanasan. Kadar infrared akan bertambah dengan pemanasan *ceramic ball* di mana berdasarkan hasil ujian yang dilakukan, menunjukkan *emission power* menjadi $4.89 \mu m \times 10^2$.

Tiada kajian yang membuktikan berapakah kadar FIR yang diperlukan bagi memberi kesan penyembuhan kepada tubuh badan.

Barangan juga digunakan secara sendiri tanpa memerlukan pengawasan doktor atau *professional practice* yang mana barangan bukanlah bertujuan untuk mendiagnosis, pencegahan atau rawatan penyakit tertentu. Barangan boleh digunakan di mana-mana sahaja samada rumah, pejabat atau sebagainya.

Barangan mendapat liputan di dalam EN HS 2012 muka surat XVI-8516-1 seperti berikut:

85.16 – *Electric instantaneous or storage water heaters and immersion heaters; electric space heating apparatus and soil heating apparatus; electro-thermic hair-dressing apparatus (for example, hair dryers, hair curlers, curling tong heaters) and hand dryers; electric smoothing irons; other electro-thermic appliances of a kind used for domestic purposes; electric heating resistors, other than those of heading 85.45.*

– *Other electro-thermic appliances :*

8516.71 -- *Coffee or tea makers*

8516.72 -- *Toasters*

8516.79 -- *Other*

(E) OTHER ELECTRO-THERMIC APPLIANCES OF A KIND USED FOR DOMESTIC PURPOSES

This group includes all electro-thermic machines and appliances provided they are normally used in the household. Certain of these have been preferred to in previous parts of this Explanatory Note (e.g., electric fires, geysers, hair dryers, smoothing irons, etc.).